



# Mahmood Ab Majid

► **Mohamed Hadi Abd Hamid**

Felo Elit di Jabatan Kewangan, Fakulti  
Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya

**P**rofesor Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Ab Majid merupakan seorang tokoh cendekiawan Islam, pemikir dan pakar rujuk dalam bidang undang-undang Islam. Beliau dilahirkan di Kampung Kayu Rendang, Melor, Kota Bharu, Kelantan pada 25 Ogos 1945. Namun begitu, tarikh lahir rasmi beliau menurut kad pengenalan adalah pada 12 Jun 1947.

Bapa beliau, Haji Ab Majid Haji Ibrahim merupakan seorang guru agama yang dikenali sebagai Tok Guru dan membuka sekolah pondoknya sendiri, iaitu Madrasah Majidiyah. Ibunya pula, Hajah Zahrah Haji Abd Latif merupakan seorang suri rumah.

Mahmood Zuhdi mendapat pendidikan awal di sekolah yang diasaskan oleh bapanya, iaitu Madrasah Majidiyah, Kampung Kayu Rendang, Melor, Kota Bharu seawal tahun 1950. Beliau kemudian melanjutkan pendidikan peringkat menengah di Maahad Muhammadi, Kota Bharu dari tahun 1958 hingga

1964. Beliau pernah berkhidmat sebagai guru sementara sebelum melanjutkan pengajian di Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri yang baru ditubuhkan oleh kerajaan negeri Kelantan pada tahun 1965. Pusat pengajian ini kemudiannya dikenali sebagai Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), namun lebih dikenali sebagai Nilam Puri. Mahmood Zuhdi merupakan pelajar ambilan pertama Nilam Puri sekali gus menjadi kumpulan pelajar pengasas Nilam Puri.

Berikutan keputusan yang cemerlang di Nilam Puri, beliau

menerima biasiswa kerajaan Kelantan untuk melanjutkan pengajian ke Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1970 pada peringkat sarjana. Mahmood Zuhdi merupakan anak Melayu pertama yang lulus Sarjana Fiqh Muqarin atau Fiqh Perbandingan pada tahun 1973 bersama-sama isterinya, Datin Dr. Paizah Ismail yang lulus Sarjana Usul Fiqh. Datin Dr. Paizah Ismail yang juga merupakan lulusan Nilam Puri merupakan wanita Melayu pertama yang lulus ijazah sarjana di Universiti al-Azhar. Sekembalinya ke tanah air, beliau kembali berkhidmat di Nilam Puri

# Mahmud Zuhdi

## Pelopop Fiqh Malaysia

sebagai pensyarah bersama-sama isterinya.

Beliau kemudian melanjutkan pengajian ke University of Kent, United Kingdom dari tahun 1980 hingga 1983 dan lulus sarjana falsafah (M.Phil). Tesis sarjana beliau adalah berkenaan dengan tanggungjawab jenayah menurut undang-undang Inggeris dan undang-undang Islam. Beliau seterusnya menyambung pengajian pada peringkat ijazah doktor falsafah (PhD) di Universiti Malaya (UM) dengan tajuk tesisnya, “Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia”. Tesis doktor falsafahnya itu kemudian diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2001 dengan judul *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia*.

Pada tahun 1981, YPTIK diserap ke UM dan menjadi Akademi Islam Universiti Malaya (AIUM). Dengan penggabungan ini, Mahmood Zuhdi juga diserap menjadi kakitangan AIUM. AIUM melalui proses penjenamaan semula apabila diberikan nama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) pada tahun 1996.

Mahmood Zuhdi pernah menjadi Dekan Fakulti Syariah

di UM selama lima tahun dan mengetuai APIUM sebagai pengarah selama lapan tahun. Beliau dilantik sebagai profesor pada tahun 1995 hinggalah beliau bersara wajib pada tahun 2004. Beliau kemudiannya menyambung kontrak sebagai profesor di APIUM hingga tahun 2008 sebelum berhijrah ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Ketika di UIAM, beliau pernah dilantik sebagai dekan di Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan. Beliau turut pernah diberikan amanah sebagai dekan di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC), UIAM. Atas ketokohan dan keserjanaan beliau dalam bidang undang-undang syariah, pada tahun 2011, UM telah menganugerahi beliau gelaran profesor emeritus, iaitu satu-satunya profesor emeritus dalam bidang syariah di Malaysia buat masa ini. Bagi mengiktiraf jasa dan sumbangan beliau mentadbir APIUM, APIUM telah menukar nama balai ilmu di APIUM menjadi “Balai Ilmu Mahmood Zuhdi” pada tahun 2022.

Mahmood Zuhdi merupakan tokoh pemikir yang telah banyak menyumbang kepada masyarakat dalam pelbagai bidang. Pada peringkat negeri Kelantan contohnya, beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan (1990 hingga 2012) dan Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan (1990 hingga 2012).

Dalam bidang kewangan Islam, beliau pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Public Islamic Bank Berhad (PIBB), Pengerusi Jawatankuasa

Syariah PIBB, Pengerusi Jawatankuasa Syariah AIA Public Takaful Berhad (APTB), Pengerusi Jawatankuasa Syariah Bimb Securities dan Ahli Majlis Cendekiawan untuk Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA), Bank Negara Malaysia. Beliau turut menganggotai Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) dan Ahli Jawatankuasa Syariah, Permodalan Nasional Berhad (PNB). Selaku Ahli Jawatankuasa Syariah PNB, beliau diingati sebagai tokoh agamawan yang mempertahankan keharusan hukum melabur dalam Amanah Saham Bumiputra (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) sehinggalah keputusan tersebut diterima oleh jawatankuasa fatwa di semua negeri. Beliau turut pernah menerbitkan buku *Status Halal ASN dan ASB* pada tahun 2017 yang mempertahankan status keharusan pelaburan dalam ASB dan ASN.

Dalam bidang pendidikan, beliau pernah menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dari September 2020 hingga Julai 2021, Timbalan Pengerusi Lembaga Pendidikan Islam Malaysia (LEPAI) dan Ahli Lembaga Gabenor, Universiti Islam Malaysia (UIM). Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Majlis Dekan Pengajian Islam Malaysia dari tahun 2012 hingga 2014.

Dalam bidang sosial, beliau pernah berkhidmat antara lain sebagai Ahli Lembaga Pengelola DBP dari tahun 2006 hingga 2012 dan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia

Malaysia (SUHAKAM) dari tahun 2010 hingga 2016.

Dalam bidang dakwah, beliau pernah menjadi Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Pengerusi Majlis Dakwah Negara (MDN) dari tahun 2015 hinggalah beliau meninggal dunia pada 18 Jun 2023 yang lalu. Menerusi

*Agung Imam Syafi'i* (2013). Beliau juga sempat menerbitkan siri autobiografi dengan judul *Mencari Identiti* sebanyak empat siri, iaitu *Budak Surau* (2020), *Budak Nilam Puri* (2021), *Bertandang ke Bumi Firaun* (2022) dan *Perjuangan Tanpa Noktah* (2023).

Tidak hanya aktif menulis, Mahmood Zuhdi juga aktif

sering menekankan tentang keperluan aplikasi hukum syarak yang dipelajari di Mesir, Jordan, Arab Saudi atau di mana-mana jua, disesuaikan dengan keadaan dan realiti semasa di Malaysia. Menurut beliau, latar belakang kebudayaan umat Islam di Malaysia menjadi ciri khusus utama yang boleh mempengaruhi ketentuan hukum, selain faktor struktur masyarakat yang berbilang kaum, iklim, realiti hidup semasa serta kemajuan sains dan teknologi. Malangnya, beliau kecewa dengan pendekatan sebahagian agamawan yang cukup konservatif menerima atau menolak sesuatu hukum hanya dengan berpandukan fiqh warisan yang dipelajari dari Timur Tengah tanpa memikirkan kesesuaian aplikasinya untuk umat Islam di Malaysia. Berdasarkan pendekatan fiqh Malaysia inilah, beliau telah memperkenalkan pelbagai subjek baharu di APIUM yang menjurus kepada pendekatan aplikasi fiqh Malaysia seperti Masyarakat Malaysia, Hukum Islam dan Masyarakat, dan Syariah Islam di Malaysia.

Pemergian Mahmood Zuhdi merupakan satu kehilangan besar bagi umat Islam di Malaysia. Beliau telah mendidik ribuan graduan dan lulusan agama yang semuanya telah menyumbang kepada masyarakat. Pendekatan reformis beliau untuk menegakkan fiqh Malaysia merupakan satu legasi yang amat berharga dan perlu diteruskan. Ketekunan beliau menulis dan berdakwah hingga akhir hayat perlu dicontohi oleh generasi muda. 📖

## Mahmood Zuhdi sering menekankan tentang keperluan aplikasi hukum syarak yang dipelajari di Mesir, Jordan, Arab Saudi atau di mana-mana jua, disesuaikan dengan keadaan dan realiti semasa di Malaysia.

platform MDN, beliau telah menubuhkan Pertubuhan Pondok Perdana sebagai pusat pengajian pondok moden yang berteraskan pengajian tradisional, namun tidak mengabaikan kemahiran teknikal dan keperluan semasa. Sebagai pendukung dakwah juga, beliau amat tidak bersetuju dengan sebarang perbalahan terbuka dalam kalangan umat Islam, khususnya dalam isu akidah dan politik. Bagi beliau, perbalahan terbuka hanya akan membawa perpecahan ummah dan sebarang perbezaan pendapat sewajarnya diselesaikan secara aman di meja rundingan.

Sebagai seorang sarjana dalam bidang undang-undang syariah, beliau merupakan seorang penulis yang amat prolific. Sepanjang hayatnya, beliau telah menghasilkan hampir 40 buah buku dalam pelbagai bidang. Antara buku yang dihasilkan oleh beliau termasuklah *Sejarah Pembinaan Hukum Islam* (1988), *Transformasi Fikah Semasa* (2010) dan *Biografi*

melibatkan diri dalam program dakwah secara dalam talian, terutama ketika pandemik COVID-19. Menerusi laman Facebook peribadi, beliau telah menganjurkan pelbagai siri dialog yang menampilkan para panelis dalam kalangan tokoh masyarakat bagi mengupas isu semasa umat Islam. Antara siri dialog yang berjaya diadakan termasuklah Dialog Dakwah, Dialog Anak Muda dan Dialog Negara Kita. Di samping itu, beliau turut aktif menyampaikan kuliah mingguan dalam talian, iaitu bacaan *Kitab Muqaddimah* karya Ibn Khaldun bersama-sama adik beliau, Allahyarham Dr. Mohamad Kamil Ab Majid. Siri bacaan *Kitab Muqaddimah* ini berjaya dilaksanakan sebanyak 45 siri hinggalah beliau jatuh sakit akibat kanser paru-paru pada penghujung 2022.

Sebagai seorang tokoh cendekiawan syariah, beliau merupakan pendukung kuat konsep fiqh Malaysia, iaitu pendekatan hukum syarak mengikut acuan Malaysia. Beliau